KARYA ILHAM PUBLISHING
CONNECTING MINDS, BRIDGING IDEAS, INSPIRING READERS

Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index
ISSN: 2462-1951



Transformasi Pendidikan Seksual Reproduktif Berteraskan Maqasid al-Shariah: Pendekatan Strategik ke Arah Kelestarian Peradaban Global

Transformation of Reproductive Sex Education based on Maqasid al-Shariah: A Strategic Approach towards the Sustainability of Global Civilization

Nabilah Huda Zaim[1,*], Adibah Bahori[1], Siti Nur Husna Abd Rahman[1], Mohd Kamel Mat Salleh[1], Nursafra Mohd Zhaffar[1], Siti Zubaidah Ismail[2], Nur Farisa Syamila Faizol[1]

[1] Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Malaysia
[2] Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:
Received 1 October 2026
Received in revised form 6 November 2026
Accepted 10 November 2026
Available online 20 November 2026

ABSTRACT

Pendidikan seksual dan reproduktif penting dalam membentuk individu berilmu, beradab serta berupaya menjaga maruah dan menghormati hak orang lain. Namun, pelaksanaannya dalam masyarakat Islam masih berdepan persepsi tabu, kandungan yang kurang menyeluruh dan penekanan berlebihan terhadap aspek biologi atau larangan moral. Keadaan ini mengehadkan pengetahuan serta kemahiran perlindungan kanak-kanak daripada penderaan seksual, pengantunan seksual, eksploitasi digital dan pendedahan kepada kandungan tidak sesuai. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan sebanyak 3228 kes penderaan seksual kanak-kanak amat membimbangkan, sekali gus menunjukkan keperluan terhadap pendekatan pendidikan dan perlindungan yang lebih sistematik. Artikel ini bertujuan menganalisis transformasi pendidikan seksual reproduktif berteraskan Maqasid al-Shariah serta menjelaskan sumbangannya terhadap perlindungan kanak-kanak dan kelestarian peradaban global. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap sumber Islam klasik dan kontemporari serta literatur berkaitan pendidikan seksual, kesihatan reproduktif dan perlindungan kanak-kanak. Dapatan menunjukkan bahawa pendidikan tersebut perlu berasaskan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, maruah dan harta, serta perlu dilaksanakan mengikut kesesuaian umur di samping melibatkan kesepaduan keluarga, sekolah, institusi agama, komuniti serta pembuat dasar. Pendekatan ini menyumbang kepada pengukuhan ekosistem perlindungan, kesejahteraan keluarga dan pembinaan peradaban global yang bermaruah,sejahtera sertalestari.

Sexual and reproductive education is essential for developing knowledgeable and ethical individuals who can protect their dignity and respect the rights of others. In Muslim communities, however, its implementation is often constrained by taboo perceptions, fragmented content, and an excessive focus on biological information or moral prohibitions. These limitations may leave children without the knowledge and protective skills needed to recognise sexual abuse, grooming, digital exploitation, and exposure to inappropriate content. Malaysian administrative data recorded 3,228 cases of child sexual

* *Corresponding author.*
E-mail address: nabilahhuda@uitm.edu.my

Keywords:

Pendidikan seksual reproduktif; Maqasid al-Shariah; statistik penderaan seksual kanak-kanak; transformasi pendidikan; kelestarian peradaban

Sexual and reproductive education; Maqasid al-Shariah; child sexual abuse statistics; educational transformation; sustainable civilisation

abuse in 2025, highlighting the need for a more systematic educational and safeguarding response. This article analyses the transformation of sexual and reproductive education through Maqasid al-Shariah and explains its contribution to child protection and the sustainability of global civilisation. Using a qualitative narrative review and content analysis, the study examines classical and contemporary Islamic sources together with literature on sexuality education, reproductive health, and child safeguarding. The analysis indicates that education should be grounded in the protection of religion, life, intellect, lineage, dignity, and property; delivered in developmentally appropriate stages; and supported through coordinated action by families, schools, religious institutions, communities, health professionals, and policymakers. This integrated approach can strengthen child safeguarding, family well-being, and the development of a dignified, safe, and sustainable global civilisation.

1. Pendahuluan

Pendidikan seksual dan reproduktif dalam Islam perlu difahami sebagai sebahagian daripada pendidikan insan yang menyeluruh, bukan sekadar penyampaian pengetahuan tentang fungsi biologi, reproduksi atau hubungan seksual. Berteraskan Maqasid al-Shariah, pendidikan ini membawa matlamat yang lebih luas, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan maruah, di samping menjamin kemaslahatan individu serta kesejahteraan institusi keluarga [11]. Walaupun wacana tradisional sering meletakkan seksualiti dalam lingkungan kedewasaan, perubahan sosial dan realiti kehidupan generasi muda menuntut penilaian semula terhadap anggapan bahawa pendidikan tersebut hanya perlu diberikan selepas baligh [28]. Sebaliknya, kandungannya wajar disusun secara bertahap mengikut umur, kematangan dan perkembangan kanak-kanak. Pada peringkat awal, pendidikan boleh menekankan pengenalan tubuh, aurat, privasi, kebersihan, adab meminta izin dan penghormatan terhadap batas diri serta orang lain. Apabila menghampiri baligh, kandungannya boleh diperluas kepada perubahan fizikal dan emosi, haid, ihtilam, kesucian diri, kesihatan reproduktif, tanggungjawab agama dan etika pergaulan. Pendekatan berperingkat ini membolehkan sumber Islam klasik dan kontemporari disepadukan dengan pengetahuan kesihatan semasa secara kritis dan kontekstual [16,25].

Dalam pelaksanaannya, ibu bapa merupakan pendidik terawal yang berperanan membentuk kefahaman anak tentang tubuh, nilai, privasi dan batas pergaulan berdasarkan pegangan agama serta budaya keluarga [14]. Namun, tanggungjawab tersebut tidak seharusnya diletakkan kepada keluarga semata-mata kerana kajian terdahulu memperlihatkan wujudnya kekeliruan ibu bapa, tekanan budaya, persepsi tabu, keterbatasan kurikulum dan percanggahan mesej antara keluarga, sekolah dengan institusi agama [9,22,24]. Oleh itu, pendidikan seksual dan reproduktif yang berteraskan Islam memerlukan kerjasama tersusun antara ibu bapa, sekolah, institusi agama, profesional kesihatan dan masyarakat. Kandungannya juga perlu melangkaui pendidikan baligh dan pengawalan tingkah laku dengan memberikan penekanan yang jelas terhadap keselamatan tubuh, sempadan peribadi, penolakan sentuhan yang tidak selamat, saluran mendapatkan bantuan serta pencegahan penderaan, pengantunan dan eksploitasi seksual, termasuk dalam persekitaran digital. Pendidikan sedemikian tidak memindahkan tanggungjawab pencegahan kepada kanak-kanak, sebaliknya memperkukuh ekosistem orang dewasa dan institusi yang bertanggungjawab melindungi mereka. Keselamatan serta kesejahteraan generasi muda seterusnya menjadi asas kepada pembentukan keluarga yang berdaya tahan, masyarakat yang bermaruah dan kelestarian peradaban global.

Bagi merealisasikan ekosistem tersebut, pelaksanaan pendidikan seksual dan reproduktif Islam perlu berasaskan strategi yang bersesuaian dengan budaya, responsif terhadap perkembangan kanak-kanak dan disokong oleh pelbagai pihak. Keluarga perlu diperkasakan dengan pengetahuan, panduan komunikasi dan kemahiran untuk membincangkan isu seksualiti secara terbuka, berperingkat serta selaras dengan nilai agama. Di sekolah, kandungan pendidikan hendaklah disampaikan oleh guru terlatih melalui pedagogi yang sesuai umur, sensitif terhadap trauma dan

disokong oleh prosedur pengesanan, pelaporan serta rujukan yang jelas. Institusi agama pula berperanan memberikan legitimasi keagamaan, menjelaskan kekeliruan masyarakat dan memastikan kandungan pendidikan menepati prinsip Maqasid al-Shariah. Pada peringkat komuniti, kerjasama antara pendidik, pemimpin agama, kaunselor, ahli psikologi dan profesional kesihatan dapat menyediakan tindak balas yang lebih menyeluruh terhadap keperluan kanak-kanak dan keluarga. Pendekatan berasaskan kekuatan, kesedaran trauma, skrip komunikasi yang sesuai dan penglibatan profesional dalam intervensi krisis didapati relevan untuk menangani isu tingkah laku seksual dalam persekitaran pendidikan Islam [29]. Pada masa yang sama, pembangunan kerangka pendidikan yang mengambil kira pandangan ibu bapa dan penilaian pakar dapat meningkatkan kesesuaian budaya serta penerimaan masyarakat terhadap program pendidikan seksual dan reproduktif [2].

Perkembangan teknologi turut menuntut agar keselamatan seksual digital dijadikan komponen asas dalam pendidikan tersebut. Selain memahami privasi data, batas komunikasi dan hubungan yang sihat dalam talian, kanak-kanak dan remaja perlu dibimbing untuk mengenali pengantunan seksual, permintaan imej intim, pemerasan seksual, penyamaran identiti dan bentuk keganasan seksual yang dipermudah oleh teknologi. Intervensi digital yang dibangunkan untuk remaja Muslim perlu menjaga kerahsiaan, menggunakan bahasa dan reka bentuk yang mesra pengguna serta mengintegrasikan nilai psikospiritual Islam agar kandungannya relevan dengan pengalaman pengguna [12]. Walau bagaimanapun, manfaat teknologi perlu diseimbangkan dengan langkah menangani maklumat palsu, jurang akses dan ketidaksamaan penyertaan digital melalui peningkatan literasi, pembangunan kapasiti dan kawal selia yang berkesan [7]. Pendidikan berkaitan privasi, persetujuan dan hubungan dalam talian juga berpotensi membantu golongan muda mengenal pasti serta bertindak balas terhadap keganasan dalam ruang digital [3]. Apabila dilaksanakan secara bersepadu, strategi ini dapat memperkukuh keupayaan orang dewasa dan institusi melindungi kanak-kanak, meningkatkan daya tahan keluarga dan komuniti serta menyumbang kepada pembentukan peradaban global yang selamat, bermaruah dan lestari. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kerangka transformasi pendidikan seksual reproduktif berteraskan Maqasid al-Shariah serta menjelaskan sumbangan strategiknya terhadap pengukuhan ekosistem perlindungan kanak-kanak dan kelestarian peradaban global.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk sorotan naratif dan analisis kandungan. Sumber yang dianalisis merangkumi karya berkaitan pendidikan seksual dan reproduktif, kesihatan reproduktif, perlindungan kanak-kanak, etika Islam dan Maqasid al-Shariah, di samping data pentadbiran serta dokumen dasar yang relevan. Pemilihan sumber memberi tumpuan kepada bahan yang dapat menjelaskan konsep, isu pelaksanaan, keperluan perlindungan dan pendekatan pendidikan mengikut perkembangan kanak-kanak. Kandungan kemudiannya disusun secara tematik berasaskan lima tujuan utama Maqasid al-Shariah, pendekatan pendidikan mengikut peringkat perkembangan serta sumbangannya kepada perlindungan generasi, pengukuhan keluarga dan kelestarian peradaban.

3. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan dan perbincangan kajian ini disusun secara bertahap bagi merangkum aspek empirikal, teoretikal dan praktikal secara holistik. Perbincangan dimulakan dengan analisis realiti empirikal dan

statistik risiko penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia yang seterusnya mendasari pembinaan kerangka Maqasid al-Shariah serta strategi pelaksanaannya mengikut fasa perkembangan.

3.1 Realiti Empirikal dan Statistik Penderaan Seksual Kanak-Kanak

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) [8] bagi tempoh 2021 hingga 2025, sebanyak 12,000 kes berkaitan penderaan seksual kanak-kanak direkodkan di bawah Seksyen 17(1)(a) dan Seksyen 17(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001. Jumlah tahunan menurun daripada 1,962 kes pada 2021 kepada 1,705 kes pada 2022, sebelum meningkat kepada 2,630 kes pada 2023, menurun sedikit kepada 2,475 kes pada 2024 dan mencapai paras tertinggi sebanyak 3,228 kes pada 2025. Secara puratanya, 8 atau 9 orang kanak-kanak didera secara seksual pada setiap hari pada tahun tersebut. Secara keseluruhan, jumlah kes pada 2025 adalah 64.5 peratus lebih tinggi berbanding 2021. Walau bagaimanapun, turun naik tahunan tersebut menunjukkan bahawa peningkatan itu tidak berlaku secara linear dan mungkin dipengaruhi oleh perubahan dalam pelaporan, pengesanan, kesedaran masyarakat, pengelasan kes atau akses kepada perkhidmatan perlindungan. Daripada keseluruhan kes, 6,301 kes atau 52.5 peratus direkodkan di bawah Seksyen 17(1)(a), manakala 5,699 kes atau 47.5 peratus berada di bawah Seksyen 17(1)(b). Seksyen 17(1)(a) merujuk kepada kecederaan atau penganiayaan, termasuk penganiayaan seksual, yang dilakukan oleh ibu, bapa, penjaga atau saudara kanak-kanak, sedangkan Seksyen 17(1)(b) melibatkan kegagalan ibu, bapa atau penjaga yang mengetahui risiko tersebut untuk melindungi kanak-kanak. Taburan yang hampir seimbang ini memperlihatkan bahawa usaha perlindungan bukan sahaja perlu menumpukan pencegahan perbuatan pelaku, tetapi juga pengukuhan tanggungjawab dan keupayaan penjaga untuk mengenal pasti, melaporkan serta menghentikan penganiayaan [10]

Jadual 1
Statistik penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia, 2021–2025

Tahun	2021	2022	2023	2024	2025
Seksyen 17 (1) (a)	890	1168	1720	880	1643
Seksyen 17 (1) (b)	1072	537	910	1595	1585
Jumlah	1962	1705	2630	2475	3228

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021-2025

Statistik JKM tersebut tidak membezakan sama ada kes berlaku secara bersemuka, dalam talian atau melalui gabungan kedua-duanya. Oleh itu, peningkatannya tidak boleh dianggap sebagai bukti langsung bahawa eksploitasi seksual dalam talian merupakan punca pertambahan kes. Namun demikian, laporan Disrupting Harm in Malaysia oleh ECPAT International, INTERPOL, and UNICEF [5] memberikan konteks penting tentang perubahan persekitaran risiko yang dihadapi kanak-kanak. Kajian tersebut mendapati bahawa 24 peratus kanak-kanak pengguna Internet berumur 12 hingga 17 tahun terdedah secara tidak sengaja kepada kandungan seksual dalam talian, manakala 17 peratus mencarinya secara aktif. Selain itu, 4 peratus melaporkan sekurang-kurangnya satu bentuk eksploitasi atau penderaan seksual dalam talian yang jelas, termasuk pemerasan seksual, perkongsian imej seksual tanpa izin dan pujukan melalui wang atau hadiah. Sebanyak 5 peratus menerima permintaan yang tidak diingini untuk berbicara tentang seks dan 3 peratus diminta menghantar imej bahagian sulit iaitu perbuatan yang boleh menjadi sebahagian daripada proses pengantunan seksual. Laporan berkenaan turut merekodkan peningkatan 90 peratus dalam laporan CyberTips berkaitan Malaysia antara 2017 dengan 2019, yang sebahagian besarnya melibatkan

bahan penderaan seksual kanak-kanak. Dapatan ini menunjukkan bahawa eksploitasi seksual telah berkembang melalui komunikasi peribadi, manipulasi emosi, pemberian ganjaran, ugutan, penstriman langsung dan penyebaran semula bahan digital. Meskipun pendedahan kepada pornografi perlu ditangani melalui pendidikan literasi seksual dan digital, kajian sistematik mendapati bahawa sebahagian besar bukti mengenainya masih bersifat rentas keratan. Oleh itu, hubungan sebab-akibat antara pendedahan pornografi dengan tingkah laku seksual atau pengalaman penderaan tidak seharusnya dibuat secara langsung [5,18].

Pada masa yang sama, jumlah kes yang direkodkan berkemungkinan hanya menggambarkan sebahagian daripada kejadian sebenar kerana penderaan seksual sering tidak didedahkan atau dilaporkan. Dalam kajian Disrupting Harm juga separuh daripada sebilangan kecil kanak-kanak yang mengalami eksploitasi seksual dalam talian tidak memberitahu sesiapa [5]. Antara sebab yang dikenal pasti ialah rasa malu, ketakutan akan dipersalahkan atau dihukum, kebimbangan mengenai kerahsiaan, ketidakpastian tentang saluran pelaporan dan anggapan bahawa tiada tindakan akan diambil. Sebanyak 82 peratus pekerja barisan hadapan berpandangan bahawa stigma masyarakat mempengaruhi pelaporan, manakala 72 peratus menganggap tabu membincangkan seks dan seksualiti sebagai penghalang. Laporan yang sama menunjukkan sekurang-kurangnya 60 peratus kanak-kanak pengguna Internet berumur 12 hingga 17 tahun tidak pernah menerima pendidikan seksual, sementara 83 peratus daripada mereka yang menerimanya menyatakan bahawa kandungannya banyak tertumpu pada aspek moral. Data yang dilaporkan tersebut boleh digambarkan dan diringkaskan seperti berikut:



Rajah 1. Laporan *disrupting harm* di Malaysia
Sumber: ECPAT International, INTERPOL, and UNICEF [5]

Walaupun unsur berkaitan turut diajar melalui Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, Sains, Pendidikan Islam serta Pendidikan Moral, pelaksanaannya yang tersebar dalam beberapa mata pelajaran boleh menyebabkan kandungan keselamatan tubuh, persetujuan, pengantunan seksual, pelaporan dan keselamatan digital tidak disampaikan secara bersepadu. Kajian dalam konteks masyarakat Muslim turut menunjukkan bahawa ketidakpastian ibu bapa, kekurangan kemahiran komunikasi serta tanggapan bahawa pendidikan seksual merupakan "pengetahuan berbahaya", bercanggah dengan agama atau mendorong perlakuan seksual boleh menghasilkan pendekatan yang terlalu membataskan, menakutkan atau mengelakkan perbincangan [22,24,28]. Sebaliknya, penilaian berasaskan bukti menunjukkan bahawa pendidikan seksual yang sesuai dengan umur tidak meningkatkan aktiviti atau pengambilan risiko seksual, bahkan dapat menambah pengetahuan, memperkukuh kemahiran perlindungan dan membantu kanak-kanak mengenal pasti paksaan, keganasan serta situasi tidak selamat [30].

Keseluruhan dapatan tersebut memperlihatkan bahawa perlindungan kanak-kanak tidak memadai melalui tindakan undang-undang atau respons selepas kejadian semata-mata.

Transformasi pendidikan seksual diperlukan bagi mengubah pendekatan yang terpisah-pisah, reaktif dan terlalu tertumpu pada aspek biologi atau larangan moral kepada pendidikan yang menyeluruh, berperingkat mengikut umur serta berorientasikan pencegahan. Pendekatan tersebut perlu mengintegrasikan pengetahuan tentang perkembangan tubuh dan kesihatan reproduktif dengan keselamatan tubuh, maruah, privasi, batas peribadi, pengenalpastian pengantunan seksual, keselamatan digital, kemahiran penolakan, saluran pelaporan dan sokongan kepada mangsa. Transformasi ini juga memerlukan penyelarasan antara keluarga, sekolah, institusi agama, agensi perlindungan, penyedia perkhidmatan kesihatan, komuniti dan pembuat dasar supaya kanak-kanak menerima mesej yang konsisten dan mempunyai akses kepada orang dewasa yang dipercayai [5,30]. Dalam konteks masyarakat Islam, transformasi tersebut perlu dibangunkan berasaskan nilai agama yang melindungi nyawa, akal, keturunan dan maruah manusia. Justeru, bahagian seterusnya membincangkan Pendidikan Seksual Islam sebagai asas normatif dan pedagogi bagi merealisasikan pendidikan seksual reproduktif yang menyeluruh serta berteraskan Maqasid al-Shariah.

3.2 Pendidikan Seksual Reproduktif Berteraskan Maqasid al-Shariah

Pendidikan seksual Islam dapat ditakrifkan sebagai suatu proses pendidikan berteraskan pandangan alam, sumber dan nilai Islam yang bertujuan membentuk pengetahuan, sikap serta tingkah laku seksual yang bertanggungjawab. Matlamatnya bukan sekadar menyampaikan fakta biologi atau menerangkan hubungan seksual, tetapi membimbing individu memahami perkembangan tubuh, baligh, kebersihan dan kesihatan reproduktif, aurat, privasi, kesopanan, batas pergaulan serta hak dan tanggungjawab dalam kehidupan berkeluarga. Pendidikan ini turut menekankan pembentukan akhlak, penjagaan maruah, kesucian diri dan penyaluran naluri seksual melalui jalan yang dibenarkan oleh syarak. Walau bagaimanapun, sebahagian wacana Islam terdahulu cenderung membincangkan seksualiti dalam lingkungan alam dewasa, perkahwinan dan hukum kekeluargaan, sedangkan pengalaman seksualiti kanak-kanak dan remaja kurang diberikan perhatian secara langsung. Pemisahan yang terlalu ketat antara zaman kanak-kanak dengan isu seksualiti boleh menyebabkan pendidikan tentang keselamatan tubuh, privasi, sentuhan tidak selamat dan pencegahan penderaan diberikan terlalu lewat. Oleh itu, Tabatabaie [28] menyeru supaya konsep seksualiti kanak-kanak dan remaja dalam konteks Islam diteliti semula agar pendidikan yang diberikan dapat menjawab realiti perkembangan serta risiko semasa tanpa mengabaikan batas agama.

Dari sudut epistemologi, Pendidikan Seksual Islam berbeza daripada pendekatan seksualiti konvensional terutama pada sumber nilai, tujuan akhir dan batas normatifnya. Pendekatan ini menjadikan al-Quran, al-Sunnah, fiqh dan etika Islam sebagai asas panduan, namun perbezaan tersebut tidak bermaksud penolakan terhadap pengetahuan perubatan, psikologi perkembangan, kesihatan reproduktif, persetujuan, keselamatan tubuh atau perlindungan kanak-kanak. Sebaliknya, pengetahuan kontemporari perlu disepadukan dengan nilai agama melalui pengajaran yang berperingkat mengikut umur, menjaga kesopanan bahasa, mengambil kira tahap perkembangan kognitif serta melibatkan ibu bapa, guru dan komuniti. Model konseptual Noor *et al*., [17] menunjukkan bahawa teori kognitif boleh dimanfaatkan untuk membangunkan pembelajaran seksual Islam secara lebih sistematik, manakala Defibaugh dan Krutzsch [4] menekankan kepentingan pembelajaran berpusatkan pelajar, refleksi kendiri dan perbincangan terkawal ketika mengajar isu seksualiti dalam Islam. Dengan demikian, Pendidikan Seksual Islam tidak sewajarnya disempitkan kepada penyampaian larangan moral, sebaliknya perlu dibangunkan sebagai pendidikan pencegahan yang menyepadukan ilmu, nilai, kemahiran perlindungan dan tanggungjawab sosial. Penterjemahan dan perbincangan prinsip-prinsip tersebut kepada kerangka pendidikan yang lebih tersusun

seterusnya membuka ruang kepada penerapan Maqasid al-Shariah sebagai asas penentuan objektif, kandungan dan keutamaan Pendidikan Seksual Reproduktif merupakan satu keperluan [25].

Justeru, perbincangan pendidikan seksual berteraskan maqasid syariah boleh diklasifikasikan kepada lima pembahagian utama iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan maruah serta pemeliharaan harta.

3.2.1 Pemeliharaan Agama (Hifz al-Din)

Pemeliharaan agama (hifz al-din) meletakkan pendidikan seksual reproduktif sebagai sebahagian daripada proses pembentukan insan yang memahami seksualiti melalui pandangan alam Islam. Dalam kerangka ini, pengetahuan tentang tubuh, baligh, kesihatan reproduktif dan hubungan antara individu tidak dipisahkan daripada konsep pengabdian kepada Allah, tanggungjawab moral serta kepatuhan terhadap ketetapan syarak. Pendidikan tersebut bertujuan membantu individu membezakan antara keperluan fitrah dengan cara pemenuhannya yang dibenarkan, di samping memahami rasional di sebalik tuntutan menutup aurat, menjaga pandangan, memelihara kehormatan dan membataskan hubungan seksual kepada perkahwinan yang sah. Oleh itu, hifz al-din bukan sekadar memasukkan hukum halal dan haram dalam kurikulum, tetapi membentuk kesedaran bahawa penjagaan tubuh, maruah dan keselamatan diri merupakan sebahagian daripada amanah keagamaan [11,13].

Dari sudut pendidikan, pemeliharaan agama memerlukan kandungan yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, fiqh dan etika Islam, namun disampaikan dengan mengambil kira perkembangan kognitif, realiti sosial dan keperluan kesihatan semasa. Masnan *et al*., [11] mencadangkan penggunaan Maqasid al-Shariah dan Fiqh al-Awlawiyyat bagi menilai kesesuaian serta keutamaan kandungan pendidikan sosial dan kesihatan reproduktif di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan nilai agama diterangkan secara jelas tanpa menjadikan pendidikan seksual sebagai penyampaian larangan atau ancaman semata-mata. Penekanan yang berlebihan terhadap dosa tanpa penjelasan tentang keselamatan tubuh, penderaan, persetujuan, pelaporan dan akses kepada bantuan boleh menyebabkan kanak-kanak mengaitkan pengalaman penderaan dengan rasa bersalah. Sebaliknya, pendidikan berteraskan hifz al-din perlu menegaskan bahawa mangsa tidak menanggung kesalahan pelaku dan usaha mendapatkan perlindungan tidak bertentangan dengan nilai kesopanan atau maruah Islam.

3.2.2 Pemeliharaan nyawa (Hifz al-Nafs)

Pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs) memperluas tujuan pendidikan seksual reproduktif daripada pencegahan tingkah laku yang dilarang kepada perlindungan keselamatan fizikal, emosi dan psikologi individu. Pendidikan ini perlu membekalkan pengetahuan tentang perkembangan tubuh, kebersihan reproduktif, penyakit berjangkit, kehamilan, risiko kesihatan serta akses kepada bantuan perubatan yang sesuai. Dalam konteks perlindungan kanak-kanak, hifz al-nafs turut menuntut pencegahan penderaan seksual, keganasan berasaskan seksualiti, perkahwinan kanak-kanak dan bentuk eksploitasi yang boleh mengancam perkembangan serta kesejahteraan mangsa. Kajian Muhsin *et al*., [15] menunjukkan bahawa keganasan seksual boleh berlaku termasuk dalam institusi pendidikan Islam, sekali gus membuktikan bahawa identiti keagamaan sesebuah institusi tidak dengan sendirinya menghapuskan risiko penderaan. Kerangka Maqasid al-Shariah dengan itu perlu diterjemahkan kepada mekanisme pencegahan dan perlindungan yang boleh dilaksanakan, bukan kekal sebagai prinsip normatif.

Pada tahap pelaksanaan, hifz al-nafs boleh diterjemahkan melalui pengajaran mengenai pemilikan dan keselamatan tubuh, sentuhan selamat dan tidak selamat, hak menolak perlakuan yang mengancam, pengenalpastian manipulasi serta saluran mendapatkan bantuan. Kandungannya perlu disesuaikan dengan umur dan tidak menghendaki kanak-kanak memahami perincian hubungan seksual sebelum mereka bersedia. Pendidikan juga perlu menegaskan bahawa tanggungjawab mencegah penderaan tidak boleh dipindahkan sepenuhnya kepada kanak-kanak kerana keselamatan mereka bergantung pada tindakan ibu bapa, guru, institusi dan pihak berkuasa. Pendekatan sensitif trauma diperlukan supaya pendedahan mangsa diterima tanpa menyalahkan, memalukan atau memaksa mereka menceritakan pengalaman secara berulang. Dalam isu perkahwinan awal, perlindungan nyawa merangkumi pertimbangan kesihatan, kematangan psikologi, pendidikan dan kemampuan kanak-kanak menjalani tanggungjawab kekeluargaan, bukan hanya penentuan kesahan formal perkahwinan [27].

3.2.3 Pemeliharaan akal (Hifz al-'Aql)

Pemeliharaan akal (hifz al-'aql) menuntut pendidikan seksual reproduktif yang menyediakan maklumat tepat, berperingkat dan berasaskan bukti supaya individu mampu membuat pertimbangan yang bertanggungjawab. Kekurangan pengetahuan tidak semestinya memelihara kesucian seseorang, malah boleh meningkatkan kerentanan terhadap maklumat palsu, manipulasi, penderaan dan keputusan yang memudaratkan. Oleh itu, pendidikan berteraskan hifz al-'aql perlu menjelaskan perubahan fizikal dan emosi semasa baligh, fungsi asas sistem reproduktif, kebersihan diri, batas peribadi serta implikasi sesuatu tindakan terhadap diri dan orang lain. Pengetahuan saintifik perlu diintegrasikan dengan nilai Islam supaya pelajar bukan sahaja mengetahui fakta, tetapi dapat menilai tindakan berdasarkan manfaat, kemudaratan dan tanggungjawab moral. Dalam hal ini, Maqasid al-Shariah boleh berfungsi sebagai kerangka penilaian etika bagi menghubungkan perkembangan ilmu dengan pertimbangan agama dan kemaslahatan manusia [13].

Dalam persekitaran digital, hifz al-'aql juga melibatkan pembentukan literasi media dan pemikiran kritis. Kanak-kanak dan remaja perlu dibimbing untuk membezakan antara maklumat kesihatan yang sahih dengan kandungan seksual yang mengelirukan, eksploitatif atau bersifat komersial. Mereka juga perlu memahami bahawa pornografi tidak menggambarkan hubungan manusia secara menyeluruh serta boleh membentuk persepsi tidak realistik tentang tubuh, persetujuan, kuasa dan hubungan seksual. Pendidikan tidak seharusnya bergantung pada sekatan atau kawalan teknologi semata-mata, kerana akses kepada kandungan digital boleh berlaku di luar pengawasan keluarga dan sekolah. Sebaliknya, pelajar perlu dilatih mengenal pasti pujukan, pengantunan seksual, pemerasan seksual, penyamaran identiti dan permintaan terhadap imej peribadi. Pengetahuan sedemikian selaras dengan usaha Masnan *et al*., [11] untuk membangunkan pendidikan kesihatan reproduktif yang memenuhi keperluan kontemporari tanpa memisahkannya daripada prinsip Islam.

3.2.4 Pemeliharaan keturunan dan nasab (Hifz al-Nasl)

Pemeliharaan keturunan atau nasab (hifz al-nasl) lazimnya dikaitkan dengan larangan zina, pensyariatan perkahwinan dan penentuan hubungan kekeluargaan yang sah. Walau bagaimanapun, aplikasinya dalam pendidikan seksual reproduktif perlu difahami secara lebih menyeluruh, termasuk pembentukan keluarga yang stabil, kesediaan memasuki perkahwinan, tanggungjawab keibubapaan dan kesejahteraan generasi akan datang. Pendidikan perlu menjelaskan tujuan perkahwinan, hak dan tanggungjawab pasangan, kepentingan persetujuan, perancangan keluarga serta penjagaan

kesihatan ibu dan anak. Saidon *et al*., [23] menghubungkan pencegahan perkahwinan tidak sah dengan pemeliharaan nasab dan kesejahteraan keluarga, manakala Sinulingga *et al*., [26] menunjukkan bahawa isu kontraseptif memerlukan pertimbangan yang mengharmonikan pandangan agama, kesihatan dan tanggungjawab reproduktif. Hal ini menunjukkan bahawa hifz al-nasl tidak terhad kepada pengesahan keturunan, tetapi turut merangkumi kualiti kehidupan keluarga.

Pemeliharaan keturunan juga menghendaki perlindungan kanak-kanak daripada amalan yang boleh menjejaskan perkembangan dan masa hadapan mereka. Perkahwinan pada usia yang terlalu muda, misalnya, perlu dinilai bukan hanya berdasarkan kemungkinan hukum, tetapi juga melalui tahap kematangan, keselamatan, pendidikan, kesihatan reproduktif dan risiko eksploitasi. Sukri dan Fauzan [27] menggunakan kerangka Maqasid al-Shariah untuk menunjukkan bahawa pencegahan perkahwinan awal berkait rapat dengan perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta kanak-kanak. Dalam pendidikan seksual reproduktif, hifz al-nasl boleh diterjemahkan melalui pengajaran tentang pembentukan keluarga yang bertanggungjawab, kesan hubungan seksual terhadap diri dan keturunan, penjagaan kesihatan sebelum dan selepas perkahwinan serta penghormatan terhadap hak setiap ahli keluarga. Pendekatan ini membantu mengalihkan perbincangan daripada larangan semata-mata kepada pembinaan generasi yang sihat, berilmu dan bermaruah.

3.2.5 Pemeliharaan harta (Hifz al-Mal)

Berbanding empat komponen terdahulu, hubungan antara pemeliharaan harta (hifz al-mal) dengan pendidikan seksual reproduktif kurang dibincangkan secara langsung dalam sumber yang diteliti. Namun, berdasarkan fungsi Maqasid al-Shariah sebagai kerangka penilaian etika, hifz al-mal boleh dikembangkan untuk menangani dimensi ekonomi dalam penderaan dan eksploitasi seksual. Antaranya termasuk pemerdagangan manusia untuk tujuan seksual, penghasilan dan penjualan bahan penderaan seksual kanak-kanak, pemerasan seksual (sextortion), pemberian wang sebagai alat pengantunan serta penyalahgunaan imej seksual untuk memperoleh keuntungan. Dalam situasi tersebut, seksualiti dan tubuh manusia dijadikan komoditi, manakala mangsa berisiko kehilangan wang, data peribadi, peluang pendidikan dan sumber kehidupan. Aplikasi ini merupakan cadangan konseptual yang berasaskan prinsip perlindungan harta dan pencegahan kemudaratan, bukan dapatan empirikal langsung daripada kajian pendidikan seksual yang disenaraikan [13].

Pada peringkat kurikulum, hifz al-mal boleh diterapkan melalui pendidikan mengenai bentuk manipulasi kewangan yang berkaitan dengan eksploitasi seksual, termasuk tawaran hadiah, wang, pekerjaan atau bantuan sebagai pertukaran untuk imej dan perlakuan seksual. Kanak-kanak perlu mengetahui bahawa penerimaan hadiah tidak menghapuskan hak mereka untuk menolak, manakala mangsa pemerasan perlu dibimbing supaya tidak membuat pembayaran atau memenuhi tuntutan pelaku, sebaliknya menyimpan bukti dan mendapatkan bantuan daripada orang dewasa serta pihak berkuasa. Pada peringkat keluarga, pendidikan ini boleh merangkumi tanggungjawab nafkah, pengurusan sumber keluarga dan pertimbangan kemampuan sebelum memikul tanggungjawab perkahwinan serta keibubapaan. Pada peringkat institusi pula, pemeliharaan harta menuntut peruntukan sumber yang mencukupi untuk latihan guru, pembangunan bahan, mekanisme aduan dan perkhidmatan pemulihan. Dengan demikian, kelima-lima komponen Maqasid al-Shariah dapat berfungsi secara saling melengkapi bagi membentuk pendidikan seksual reproduktif yang menjaga agama, keselamatan, pemikiran, kesinambungan keluarga dan kesejahteraan material.

3.3 Pendekatan Pendidikan Seksual Kanak-Kanak mengikut Peringkat Umur

Pendidikan seksual reproduktif Islam yang sesuai umur perlu dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan perkembangan kognitif, emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak, bukan semata-mata umur kronologi. Kesesuaian umur tidak bermaksud menangguhkan semua perbincangan sehingga seseorang mencapai baligh, tetapi menentukan tahap bahasa, perincian dan kaedah penyampaian yang dapat difahami pada setiap peringkat perkembangan. Pada peringkat awal, pendidikan boleh dimulakan dengan konsep tubuh, privasi dan keselamatan, kemudian berkembang kepada perubahan baligh, kesihatan reproduktif, hubungan sosial serta pembuatan keputusan. Ibu bapa memainkan peranan sebagai pendidik pertama dalam menyampaikan nilai keluarga dan agama, manakala guru perlu mempunyai pengetahuan, keyakinan dan latihan untuk melengkapkan pendidikan di rumah. Kajian terhadap program pendidikan guru di universiti Islam turut menunjukkan keperluan menyediakan bakal pendidik dengan kandungan dan kemahiran pedagogi yang sensitif terhadap agama serta budaya [14,19,20].

Pada peringkat awal kanak-kanak, kandungan perlu tertumpu pada pengenalan bahagian tubuh menggunakan istilah yang tepat tetapi mudah, perbezaan antara bahagian peribadi dengan bahagian umum, hak terhadap keselamatan tubuh dan kewajipan menghormati tubuh orang lain. Kanak-kanak juga perlu diajar bahawa terdapat sentuhan yang selamat, tidak selamat atau mengelirukan; mereka boleh menolak, menjauhkan diri dan memberitahu orang dewasa yang dipercayai apabila berasa tidak selesa. Memasuki peringkat prabaligh, pendidikan boleh diperluas kepada aurat, adab meminta izin, privasi ketika berpakaian atau membersihkan diri, batas pergaulan dan persediaan awal menghadapi perubahan tubuh. Kaedah seperti penceritaan, bahan visual yang sesuai, lakonan situasi dan perbualan ringkas secara berulang lebih bersesuaian berbanding penerangan abstrak atau terlalu terperinci. Pendekatan ini tidak bertujuan memperkenalkan perlakuan seksual kepada kanak-kanak, sebaliknya membentuk perbendaharaan kata dan kemahiran yang membolehkan mereka mengenal pasti serta melaporkan perlakuan tidak selamat [19,20].

Apabila kanak-kanak menghampiri atau mencapai baligh, kandungan perlu menjelaskan perubahan fizikal dan emosi, haid, mimpi basah, kebersihan reproduktif, mandi wajib, tanggungjawab ibadah dan pengurusan emosi secara lebih jelas. Semasa remaja, pendidikan perlu diperluas kepada kesihatan reproduktif, etika hubungan, persetujuan dan paksaan, batas pergaulan, pencegahan keganasan seksual, pengantunan seksual, pornografi, keselamatan digital serta implikasi perkahwinan dan keibubapaan. Kajian dalam persekitaran sekolah berasrama Islam menunjukkan bahawa pendidikan kesihatan reproduktif remaja perlu mengambil kira budaya institusi dan kehidupan seharian pelajar [16]. Pada masa yang sama, mesej daripada keluarga, sekolah dan institusi agama perlu diselaraskan kerana percanggahan antara pendidikan sekolah dengan naratif keagamaan boleh menyebabkan remaja mengalami kekeliruan atau terpaksa mengurus tekanan nilai secara bersendirian [9]. Oleh itu, pendekatan yang responsif terhadap perkembangan memerlukan komunikasi terbuka, ruang pertanyaan yang selamat dan kerjasama berterusan antara ibu bapa, guru, institusi agama serta profesional kesihatan.

Jadual 2
Cadangan kandungan dan pendekatan pendidikan mengikut peringkat perkembangan

Peringkat perkembangan	Fokus kandungan yang dicadangkan	Pendekatan penyampaian	Pihak utama
Awal kanak-kanak	Nama dan fungsi asas anggota tubuh; bahagian peribadi; privasi; keselamatan tubuh; sentuhan selamat dan tidak selamat; orang dewasa yang dipercayai	Bahasa mudah, cerita, gambar yang sesuai, lakonan situasi dan pengulangan mesej keselamatan	Ibu bapa dan pendidik awal kanak-kanak
Prabaligh	Aurat; adab meminta izin; privasi ketika berpakaian dan membersihkan diri; batas diri; penghormatan terhadap orang lain; persediaan awal menghadapi baligh	Perbualan berpandu, contoh situasi harian, demonstrasi penjagaan diri dan ruang pertanyaan tertutup	Ibu bapa, guru dan pendidik agama
Menghampiri dan melalui baligh	Perubahan fizikal dan emosi; haid; mimpi basah; kebersihan reproduktif; mandi wajib; tanggungjawab ibadah; keselamatan tubuh dan pelaporan penderaan	Penerangan lebih jelas, sesi kecil yang menjaga privasi, bahan bertulis dan bimbingan individu apabila diperlukan	Ibu bapa, guru terlatih, pendidik agama dan profesional kesihatan
Remaja	Kesihatan reproduktif; etika hubungan; persetujuan dan paksaan; pencegahan keganasan seksual; pengantunan seksual; pornografi; keselamatan digital; perkahwinan dan tanggungjawab keluarga	Perbincangan reflektif, analisis kes, literasi media, latihan membuat keputusan dan akses kepada khidmat nasihat	Keluarga, sekolah, institusi agama, komuniti dan profesional kesihatan

3.4 Pendidikan Seksual Reproduktif Islam dalam Kelestarian Peradaban Global

Pendidikan seksual reproduktif berteraskan Maqasid al-Shariah menyumbang kepada kesejahteraan peradaban bermula dengan perlindungan kanak-kanak sebagai generasi pewaris masyarakat. Melalui prinsip pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan maruah, pendidikan ini membekalkan pengetahuan tentang keselamatan tubuh, privasi, batas peribadi, pengenalpastian penderaan dan cara mendapatkan bantuan. Komunikasi yang terbuka dalam kerangka nilai Islam juga membolehkan kanak-kanak mengemukakan pertanyaan atau melaporkan pengalaman yang tidak selamat tanpa dibebani rasa malu dan takut dipersalahkan. Kajian Pratiwi *et al*., [21] tentang komunikasi ibu bapa Muslim menunjukkan bahawa perbincangan mengenai tubuh, batas dan agama berlaku melalui proses perundingan antara nilai keagamaan dengan keperluan perlindungan semasa. Pada peringkat institusi, latihan guru yang sensitif terhadap agama dan budaya diperlukan supaya pendidikan tersebut tidak terhenti pada larangan moral, tetapi merangkumi pengetahuan serta kemahiran perlindungan yang praktikal [19]. Dengan demikian, perlindungan kanak-kanak menjadi asas kepada pembentukan generasi yang sihat, berilmu dan bermaruah.

Pada peringkat keluarga dan komuniti, pendidikan seksual reproduktif yang tersusun dapat memperkukuh komunikasi, kepercayaan dan tanggungjawab bersama dalam menghadapi risiko seksual serta cabaran digital. Ibu bapa berperanan sebagai pendidik pertama yang menyampaikan nilai agama dan budaya, manakala sekolah, institusi agama dan komuniti melengkapkan peranan tersebut melalui maklumat, latihan serta mekanisme perlindungan yang konsisten [14]. Pendidikan keibubapaan berasaskan nilai Islam juga dikaitkan dengan pembentukan hubungan keluarga yang positif, perkembangan kanak-kanak dan ketahanan keluarga, khususnya apabila disokong oleh budaya, komuniti dan amalan keibubapaan yang adil [1]. Dalam konteks ini, pendidikan seksual tidak

hanya berfungsi untuk mencegah perlakuan berisiko, tetapi berpotensi mengurangkan stigma, menggalakkan pelaporan, memperkukuh sokongan terhadap mangsa dan menghalang kemudaratan daripada berulang antara generasi. Keluarga yang mampu berkomunikasi tentang keselamatan tubuh dan tanggungjawab reproduktif secara berilmu seterusnya membentuk komuniti yang lebih responsif, saling melindungi dan berdaya tahan.

Pada peringkat yang lebih luas, pendidikan seksual reproduktif berteraskan Maqasid al-Shariah mempunyai kesepadanan konseptual dengan matlamat pembangunan mampan, khususnya kesejahteraan kesihatan, pendidikan berkualiti, perlindungan kanak-kanak, keadilan sosial dan pembinaan institusi yang selamat. Literatur mengenai pendidikan Islam dan Matlamat Pembangunan Mampan menunjukkan bahawa nilai keagamaan, keadilan sosial, pendidikan inklusif dan pedagogi yang responsif boleh digabungkan dalam pembangunan insan yang lestari [6]. Model pesantren mesra kanak-kanak yang mengintegrasikan Maqasid al-Shariah dengan SDG turut menunjukkan kemungkinan menterjemahkan prinsip agama kepada struktur pendidikan dan perlindungan institusi [31]. Walau bagaimanapun, bukti yang tersedia belum membuktikan secara langsung bahawa pendidikan seksual Islam menghasilkan kelestarian peradaban global secara keseluruhan. Hubungan tersebut lebih tepat difahami sebagai rantaian sumbangan di mana perlindungan kanak-kanak memperkukuh keluarga, keluarga yang berdaya tahan membina komuniti sejahtera dan seterusnya komuniti yang menjunjung maruah, ilmu serta keadilan menyokong kelestarian sosial. Oleh itu, sumbangan kepada peradaban global bergantung pada pelaksanaan yang sesuai umur, berasaskan bukti, berpusatkan keselamatan kanak-kanak dan dinilai keberkesanannya secara berterusan.

4. Kesimpulan

Perbincangan artikel ini menunjukkan bahawa peningkatan dan turun naik kes penderaan seksual kanak-kanak, berserta perkembangan pengantunan seksual, eksploitasi digital dan pendedahan kepada kandungan seksual, menuntut pendekatan pencegahan yang lebih menyeluruh. Kerentanan kanak-kanak turut dipengaruhi oleh stigma, ketakutan untuk melapor, kelemahan komunikasi keluarga serta pendidikan seksual yang terpisah-pisah dan terlalu tertumpu pada aspek biologi atau larangan moral. Oleh itu, Pendidikan Seksual Islam perlu ditransformasikan melalui kerangka Maqasid al-Shariah yang memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, maruah dan harta. Kandungannya hendaklah disampaikan secara berperingkat mengikut umur dan perkembangan, bermula dengan kesedaran tubuh, privasi dan batas diri, kemudian diperluas kepada baligh, kesihatan reproduktif, etika pergaulan, keselamatan digital, pencegahan penderaan serta tanggungjawab dalam pembentukan keluarga.

Pendidikan seksual berteraskan Maqasid al-Shariah bukan sekadar penyampaian maklumat seksual, tetapi merupakan proses pembinaan manusia yang menggabungkan ilmu, iman, adab, maruah, keselamatan dan tanggungjawab sosial. Pelaksanaannya memerlukan kerjasama keluarga, sekolah, institusi agama, komuniti, profesional kesihatan dan pembuat dasar bagi membentuk ekosistem perlindungan yang konsisten serta responsif terhadap perubahan semasa. Melalui pendekatan ini, kanak-kanak bukan sahaja dibekalkan pengetahuan untuk mengenal pasti dan menghindari bahaya, malah dibentuk sebagai individu yang menghormati diri, menjaga hak orang lain dan membuat keputusan secara bertanggungjawab. Transformasi tersebut berpotensi melindungi generasi, memperkukuh ketahanan keluarga dan komuniti serta menyumbang kepada kelestarian peradaban global yang berilmu, bermaruah, sejahtera dan berteraskan nilai kemanusiaan.

Penghargaan
Kajian ini didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menerusi Geran FRGS FRGS/1/2025/SS10/UITM/02/1. Penghargaan turut dirakamkan kepada UiTM Cawangan Negeri Sembilan atas sokongan fasiliti, bahan-bahan ilmiah secara fizikal dan elektronik kepada para penulis bagi menjayakan kajian ini.

Rujukan

[1] Abubakar, Bahrun, Sanusi Sanusi, Razali Razali, Taat Kurnita Yeningsih, and Mujiburrahman Mujiburrahman. "Parenting education in Islamic families within the framework of family resilience in Aceh, Indonesia." *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam* 7, no. 2 (2023): 1121-1147.https://doi.org/10.22373/sjhk.v7i2.17901

[2] Abdul Hamid, Siti Hazariah, Mohammed Rasheedan Ellin, Siti Roshaidai Mohd Arifin, Haliza Hasan, Sajaratulnisah Othman, Norhasmah Mohd Zain, and Yati Afiyanti. "Developing a culturally sensitive framework for sexual and reproductive health education: Validating with the Fuzzy Delphi Method." *Journal of Transcultural Nursing* 37, no. 2 (2026): 189-197.https://doi.org/10.1177/10436596251394358

[3] Buenestado-Fernández, Mariana. "Comprehensive sexuality education as a preventive strategy against gender-based violence in the digital sphere: A training proposal." In *Comprehensive sexuality education for gender-based violence prevention*, pp. 211-228. IGI Global Scientific Publishing, 2024. https://doi.org/10.4018/979-8-3693-2053-2.ch012

[4] Defibaugh, Amy, and Brett Krutzsch. "Teaching about sexuality and veiling in Islam." *Teaching Theology & Religion* 20, no. 2 (2017): 153-161. https://doi.org/10.1111/teth.12382

[5] ECPAT International, INTERPOL, and UNICEF. Disrupting Harm in Malaysia: Evidence on Online Child Sexual Exploitation and Abuse. Global Partnership to End Violence Against Children, 2022. https://www.unicef.org/malaysia/reports/disrupting-harm-malaysia

[6] Elihami, Elihami, and Hadi Pajarianto. "Sustainable development goals through Islamic education: a literature review." *Journal of Education and Learning (EduLearn)* 19, no. 4 (2025): 2042-2053. https://doi.org/10.11591/edulearn.v19i4.21308

[7] Fahm, A. O. "Gender, Marginalization, and Digital Technology in Islamic Learning: A Nigerian Perspective." *Journal of International Women's Studies* 27, no. 3 (2025): 1-13.

[8] Jabatan Kebajikan Masyarakat. Statistik Penderaan Seksual Kanak-Kanak Mengikut Seksyen 17(1)(a) dan Seksyen 17(1)(b), 2021–2025. Data pentadbiran.

[9] Kosar Altinyelken, Hulya, Yusra Akhtar, and Nazek Selim. "Navigating contradictory narratives on sexuality between the school and the mosque in four Muslim communities in the Netherlands." *Sexuality & Culture* 26, no. 2 (2022): 595-615. https://doi.org/10.1007/s12119-021-09911-z

[10] Malaysia. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), cetakan semula sebagaimana pada 1 Julai 2023. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2023. https://www.kpwkm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20250425123603.pdf

[11] Masnan, Suryani Binti, Ahmad Bin Yussuf, and Siti Fatimah Binti Salleh. "Towards a Shariah-Compliant Social and Reproductive Health Education in Malaysia: Protecting the Muslim Family from Social Deviations." *El-Usrah: Jurnal Hukum Keluarga* 8, no. 1 (2025): 236-261. https://doi.org/10.22373/fxmg0q25

[12] Mohd Noh, M. A., S. F. Mat Noor, H. M. Judi, N. A. Mat Zin, and N. Sahari @ Ashaari. "Designing Self-Management Features for Digital Islamic Spiritual Health Interventions for Adolescents with Sexual Behavior Problems." Jurnal Ilmiah Peuradeun 13, no. 3 (2025): 2097–2120. https://doi.org/10.26811/peuradeun.v13i3.1430

[13] Saifuddeen, Shaikh Mohd, Chang Lee Wei, Abdul Halim Ibrahim, and Nor Aina Mhd Khotib. "Islamic ethical framework to tackle scientific and technological dilemmas." *Journal of Dharma* 38, no. 4 (2013): 373-386.

[14] Hasani, Moghadam Sedigheh, and Jila Ganji. "The role of parents in nurturing and sexuality education for children from Islamic and scientific perspective." (2019): 149-155. https://doi.org/10.4103/JNMS.JNMS_57_18

[15] Muhsin, Ilyya, Sukron Ma'Mun, and Wardah Nuroniyah. "Sexual violence in an islamic higher education institution of indonesian: A maqasid al-shariah and foucauldian perspective." *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam* 5, no. 1 (2021): 127-152. https://doi.org/10.22373/sjhk.v5i1.9144

[16] NisaMairo, Queen K., Siti R. Nadhiroh, Lutfi A. Salim, and Atoillah Isfandiari. "Reproductive health of female students in Islamic boarding school culture: A literature review." *African Journal of Reproductive Health* 28 (2024): 259. https://doi.org/10.29063/ajrh2024/v28i10s.30

[17] Mohamed Noor, Nurtihah, Abdul Nasir Zulkifli, and Fadzilah Siraj. "Islamic Sex Education (ISE) conceptual model of cognitive theories–the findings." *Jurnal Teknologi* 68, no. 2 (2014): 13-18.https://doi.org/10.11113/jt.v68.2904

[18] Pathmendra, Pranujan, Michelle Raggatt, Megan SC Lim, Jennifer L. Marino, and S. Rachel Skinner. "Exposure to pornography and adolescent sexual behavior: systematic review." *Journal of medical internet research* 25, no. 1 (2023).https://doi.org/10.2196/43116

[19] Pratiwi, Hardiyanti, Sujarwo, Amir Syamsudin, and Agus Riwanda. "Equipping prospective teachers for culturally and religiously sensitive sexuality education: curriculum reviews at Islamic universities in Indonesia." *Journal of Early Childhood Teacher Education* 46, no. 2 (2025): 253-270. https://doi.org/10.1080/10901027.2024.2421189

[20] Pratiwi, Hardiyanti, Sujarwo, Amir Syamsudin, and Agus Riwanda. "How prospective early childhood teachers make sense of sexuality education? Insights from Islamic University courses." *Sex Education* 26, no. 6 (2026): 753-771. https://doi.org/10.1080/14681811.2025.2572696

[21] Pratiwi, Hardiyanti, Stevani Anggia Putri, Fajar Budiyono, M. Dahlan, and Sophia Oktavia Balimulia. "Bodies, boundaries and faith: how highly educated Muslim parents in Indonesia communicate about sexuality with their children." *Sex Education* (2026): 1-18. https://doi.org/10.1080/14681811.2026.2632352

[22] Rouhparvar, Zahra, Mojgan Javadnoori, and Shadab Shahali. "Parents' approaches to sexuality education of their adolescent boys: a qualitative study in Ahvaz, Iran." *Reproductive health* 19, no. 1 (2022): 69. https://doi.org/10.1186/s12978-022-01367-0

[23] Saidon, Rafeah, Fadhilah Adibah Ismail, Siti Khadijah Ab Manan, Noorul Hilda Sahari, Azhar Abdul Aziz, and Nurzahidah Haji Jaapar. "Preventing Illegal Marriages in the Light of Maqasid Al-Shariah." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 25 (2017): 331.

[24] Sanjakdar, Fida. "'Teacher talk': the problems, perspectives and possibilities of developing a comprehensive sexual health education curriculum for Australian Muslim students." *Sex Education* 9, no. 3 (2009): 261-275. https://doi.org/10.1080/14681810903059086

[25] Sepalanita, Widya, Nina Afiani, Muhammad Maymun, Dahrizal Dahrizal, and Lindawati Lindawati. "Reinterpreting Classical Islamic Family Law For Sexual Health Education: A Maqāṣid Al-Sharī 'ah-Based Critical Discourse Analysis." *Mawaddah: Jurnal Hukum Keluarga Islam* 3, no. 2 (2025): 684-705. https://doi.org/10.52496/mjhki.v3i2.102

[26] Sinulingga, Neng Nurcahyati, Endah Rundika Pratiwi, and Wildan Ansori Hasibuan. "Exploring Al-'Azl and contemporary contraceptive practices: A Maqashid al-Shariah perspective on population regulation and reproductive morality." (2025). https://doi.org/10.46222/pharosjot.106.4012

[27] Sukri, Azam, and Aris Fauzan. "Maqasid al-shariah and child protection: A holistic approach to preventing early marriage." *KARSA Journal of Social and Islamic Culture* 33, no. 2 (2025): 600â-636. https://doi.org/10.19105/karsa.v33i2.21696

[28] Tabatabaie, Alireza. "Childhood and adolescent sexuality, Islam, and problematics of sex education: a call for re-examination." *Sex Education* 15, no. 3 (2015): 276-288.https://doi.org/10.1080/14681811.2015.1005836

[29] Tufa, Toltu. "Nurturing sexual well-being in Islamic educational settings: Strategies for supporting Muslim learners." In *Wellbeing in Islamic schools: Nurturing the mind, body and soul*, pp. 213-234. Cham: Springer Nature Switzerland, 2025.

[30] UNESCO. International Technical Guidance on Sexuality Education: An Evidence-Informed Approach. Revised edition. Paris: UNESCO, 2018. https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000260770

[31] Uyuni, Badrah, Mohammad Adnan, Sadari, and Lisa'diyah Ma'rifataini. "A child-Friendly pesantren model integrating maqāṣid al-syarī'ah and SDGs." *Cogent Education* 13, no. 1 (2026): 2701526.https://doi.org/10.1080/2331186X.2026.2701526